



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 17 SEPTEMBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RAMPAS IKAN BERNILAI RM6 JUTA, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	SEMAI PADI, TUMBUH RUMPUT, NEGERI, SINAR HARIAN, M/S – 19	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
3.	PESAWAH DI KELANTAN RESAH HASIL DIJANGKA BERKURANGAN 80 PERATUS, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 23	
4.	RUMPUT LAGI BANYAK BERBANDING PADI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 9	
5.	POTENSI INDUSTRI TUNA AMAT BESAR - TPM, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 10	LAIN - LAIN
6.	PESTA KUTIP KERANG PANTAI TG. KEPAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
7.	TOXOCARA PANTAS MEMBIAK, KUBELA, HARIAN METRO, M/S – 34	
8.	ELAK HAIWAN DEHIDRASI, KUBELA, HARIAN METRO, M/S 35	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Rampas ikan bernilai RM6 juta

Kudat: Dua bot nelayan Vietnam ditahan bersama hasil laut dan peralatan menangkap ikan bernilai hampir RM6 juta dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selepas dikesan mencero- boh perairan negara, kel- marin.

Dalam operasi bersepadu itu di perairan Barat Laut Pulau Straggler di sini, se- ramai 11 kru termasuk te- kong berusia antara 17 hingga 48 tahun di- tahan selepas gagal men- mukakan dokumen sah. Penga- rah

APMM Zon Maritim Kudat, Komander Maritim Ha- sbullah Omar berkata, pe- meriksaan mendapati ke- dua-dua vesel nelayan asing (VNAV) berkenaan melakukan kesalahan me- ngikut Akta Perikanan 1985 serta Akta Imigresen 1959/63.

"Dua vesel, peralatan me- nangkap ikan dan hasil laut dirampas membabitkan ni- lai dianggarkan hampir RM6 juta, katanya dalam satu kenyataan, se- malam.

Menurut- nya, ke- dua-dua bot terba- bit me- ngambil

masa hampir 12 jam untuk diiringi ke Jeti Tahanan Ve- sel Zon Maritim Kudat se- belum diserahkan kepada pegawai penyiasat APMM.

Hasbullah menegaskan, pihaknya tidak akan ber- kompromi dengan seba- rang bentuk pencerobohan nelayan asing kerana ia bu- kan sahaja menjejaskan sumber perikanan negara malah mengakibatkan ke- rugian kepada nelayan tempatan.

Katanya, orang awam di- gesa menyalurkan maklu- mat aktiviti mencurigakan kepada Pusat Operasi Ku- dat di talian 088-611858 atau talian kecemasan 999 bagi membolehkan tinda- kan diambil.



BOT nelayan Vietnam yang ditahan dalam operasi bersepadu di perairan barat laut Pulau Straggler, Kudat.

11 kru termasuk
tekong ditahan selepas
gagal mengemukakan
dokumen sah

Semai padi, tumbuh rumput

Masalah ketiadaan air menyebabkan hasil pesawah susut 80 peratus

Oleh HAZEL LANA KAMARUDIN
KOTA BHARU



ZUHA

Bekalan air tidak mencukupi membimbangkan lebih 3,000 pesawah apabila hasil padi diusahakan mereka berkemungkinan susut sehingga 80 peratus menjelang musim menuai bulan depan.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (Pesak), Zuha Ismail berkata, masalah dialami pesawah memberi kesan ketara sebaik proses menabur benih dilakukan pada Jun lalu.

"Bekalan air sangat penting sepanjang proses penaburan benih.

"Apa yang menyedihkan, bekalan air dari rumah pam Kemubu tidak dapat disalurkan ke sawah dalam tempoh tertentu," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Menurut Zuha, masalah itu menyebabkan rumput tumbuh lebih subur berbanding padi.

Ujarnya, antara kawasan terjejas teruk ialah Kota Bharu Utara dan Selatan, Pasir Putih, Bachok, Tumpat serta Pasir Mas.

Hasil padi untuk **satu hektar** bersamaan **4.2 - 4.5 tan**

Luas tanaman padi di Kelantan sekitar **26,833 hektar**

Jumlah pesawah lebih **7,000 orang**

"Kebanyakan pesawah menanggung kerugian selama empat musim berturut-turut.

"Jika masalah air masih tidak dapat diselesaikan, berkemungkinan besar pesawah tidak mahu lagi menanam padi pada musim depan melainkan isu bekalan air ditangani segera Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

"Situasi sawah kami sekarang bukan lagi seperti menanam padi, tetapi lebih kepada menanam rumput," katanya.



Pesawah menunjukkan tanah bendang yang kering disebabkan ketiadaan air. -Gambar hiasan.

TARIKH

17/9/2025

MEDIA

SINAR
HARIAN

RUANGAN

NEGERI

MUKA
SURAT

19

Pesawah di Kelantan resah hasil dijangka berkurangan 80 peratus

Bekalan air tidak cukup selepas proses menabur benih antara faktor hantui petani

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu: Lebih 3,000 pesawah membabitkan kawasan tanaman padi seluas lebih 15,000 hektar kini resah apabila hasil padi mereka dijangka berkurangan sebanyak 80 peratus, pada bulan depan.

Pengurangan hasil padi berkenaan disebabkan bekalan air yang tidak mencukupi selepas proses menabur benih dilakukan bermula Jun dan Julai lalu.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK), Zuha Ismail, berkata daerah yang terjejas adalah Kota Bharu Utara, Kota Bharu Selatan, Pasir Puteh, Bachok, Tumpat dan sebahagian di Pasir Mas.

sawah kini banyak rumput berbanding padi.

"Hanya bermula bulan lalu bekalan air dari rumah pam Kemubu disalurkan dan itupun dibuat secara penggiliran, namun keadaan padi sudah tidak mampu diubah," katanya ketika dihubungi.

Zuha berkata, disebabkan masalah air menyebabkan hasil padi yang dijangka dapat dituai bermula bulan depan berkurangan sehingga 80 peratus.

"Pada masa sama, sekali lagi pesawah berdepan kerugian dan tidak mampu untuk membayar hutang. Keadaan ini sangat menyedihkan buat kami yang bergantung kepada hasil padi.

"Justeru kami berharap Lem-

baga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menyelesaikan masalah yang berlaku terutama membabitkan rumah pam Kemubu.

"Sampai bila kami terpaksa menanggung kerugian dan untuk kali ini menjadikan empat musim berturut turut pesawah menanggung kerugian.

"Sekiranya masalah air masih tidak dapat diselesaikan, kami tidak akan menanam padi untuk musim akan datang melainkan isu air sudah ditangani oleh pihak KADA.

"Situasi sawah kami sekarang bukan tanam padi tetapi seperti tanam rumput kerana rumput lebih banyak berbanding padi," katanya.

Pada masa sama, sekali lagi pesawah berdepan kerugian dan tidak mampu untuk membayar hutang. Keadaan ini sangat menyedihkan buat kami yang bergantung kepada hasil padi

Zuha Ismail,
Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan



Keadaan sawah yang dipenuhi rumput berbanding padi. (Foto PESAK)

Banyak rumput berbanding padi

"Proses menabur benih bermula pada Jun dan Julai lalu dan bekalan air sangat penting apabila proses menabur dilakukan.

"Namun apa yang menyedihkan bekalan air dari rumah pam Kemubu tidak dapat dibekalkan kepada pesawah dalam tempoh tertentu menyebabkan keadaan



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	9

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu

Lebih 3,000 pesawah membabitkan kawasan tanaman padi sejauh lebih 15,000 hektar resah apabila hasil padi mereka dijangka berkurangan sebanyak 80 peratus bulan depan disebabkan bekalan air yang tidak mencukupi selepas proses menabur benih dilakukan bermula Jun dan Julai lalu.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK), Zuha Ismail berkata, daerah yang terjejas adalah Kota Bharu Utara, Kota Bharu Selatan, Pasir Puteh, Bachok, Tumpat dan sebahagian di Pasir Mas.

"Proses menabur benih bermula pada Jun dan Julai lalu dan bekalan air sangat penting apabila proses menabur dilakukan.

"Namun apa yang menyedihkan bekalan air dari rumah pam Kemubu tidak dapat dibekalkan kepada pesawah dalam tempoh tertentu menyebabkan keadaan sawah kini banyak rumput berbanding padi.

"Hanya bermula bulan lalu bekalan air dari rumah pam Kemubu disalurkan dan itupun dibuat secara penggiliran, namun keadaan padi sudah tidak mampu diubah," katanya ketika dihubungi.

Katanya, disebabkan masalah air menyebabkan hasil padi yang dijangka dapat dituai bermula bulan depan berkurangan sehingga 80 peratus.

"Pada masa sama sekali lagi pesawah berdepan kerugian dan tidak mampu untuk membayar hutang. Keadaan ini sangat menyedihkan buat kami yang ber-

Rumput lagi banyak berbanding padi

3,000 pesawah resah hasil padi dijangka berkurangan 80 peratus



PESAWAH melakukan kerja-kerja membajak ketika tinjauan di Kampung Apa-Apa, Pasir Mas. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

gantung kepada hasil padi. "Justeru kami berharap Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menyelesaikan masalah yang



"Sampai bila kami terpaksa menanggung kerugian dan untuk kali ini menjadikan empat musim berturut turut pesawah menanggung kerugian"

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK), Zuha Ismail

berlaku terutama membabitkan rumah pam Kemubu.

"Sampai bila kami terpaksa menanggung kerugian dan untuk kali ini menjadikan empat musim berturut turut pesawah menanggung kerugian.

"Sekiranya masalah air masih tidak dapat diselesaikan, kami tidak akan menanam padi untuk musim akan datang melainkan isu air sudah ditangani oleh pihak KADA.

"Situasi sawah kami sekarang bukan tanam padi lagi, seperti tanam rumput kerana rumput lebih banyak berbanding padi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Potensi industri tuna amat besar – TPM

BUTTERWORTH- Malaysia khususnya Pulau Pinang di yakini bakal muncul sebagai hab pendaratan ikan tuna terbesar di rantau ASEAN dengan pembangunan pusat pendaratan dan aktiviti hiliran industri tersebut.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, potensi industri tuna amat besar memandangkan pasaran global kini dianggarkan mencecah AS\$42 bilion dan dijangka meningkat kepada AS\$54 bilion.

“Pulau Pinang akan menjadi hab yang besar untuk pendaratan ikan tuna di negara ini dan rantau ini.

“Dengan kerjasama kerajaan negeri, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta pihak berkepentingan, saya yakin usaha ini akan direalisasikan.

“Selain pendaratan ikan,



Ahmad Zahid (tiga dari kanan) memeriksa ikan tuna yang mendarat di Dermaga Dalam, Pelabuhan Pulau Pinang pada Selasa.

kita juga mahu mewujudkan aktiviti hiliran yang mampu melatih sehingga 4,000 tenaga kerja mahir khususnya dalam sektor maritim dan industri perikanan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Memorandum Perjanjian (MOA) Antara Asia Ocean Resources Sdn Bhd dengan Penang Port Sdn Bhd di Dermaga Dalam,

Pelabuhan Pulau Pinang di sini pada Selasa.

Beliau berkata, Malaysia dengan kedudukan strategik di persimpangan maritim dunia tidak boleh hanya menjadi penonton sebaliknya perlu merebut peluang itu agar perairan, pelabuhan dan tenaga kerja negara menjadi sebahagian penting dalam rangkaian bekalan antarabangsa.

Pesta kutip kerang Pantai Tg. Kepah

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulla.com.my

LUMUT: Fenomena alam semula jadi musim tengkujuh menarik kehadiran ratusan orang ke pesisiran Pantai Tanjung Kepah, Batu 9 Lekir di sini untuk mengutip kerang, sejak lebih seminggu lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, pantai yang biasanya sunyi kini menjadi tumpuan penduduk dari sekitar Lekir, Sungai Tiram dan kawasan berdekatan yang datang bersama keluarga untuk mengutip kerang.

Penduduk, Intan Ibni, 24, berkata, dia pulang ke kampung halamannya di Sungai Tiram setiap kali musim tengkujuh kerana tidak mahu melepaskan peluang menyertai fenomena yang jarang berlaku itu.

"Sudah hampir dua minggu kami datang ke sini. Baru tiga hari turun kutip, saya sudah dapat kutip 26 kilogram kerang, cukup untuk makan sendiri," katanya.

Intan berkata, suasana di pan-



ORANG ramai mengutip kerang yang terdampar akibat fenomena ombak besar di Pantai Tanjung Kepah, Lekir, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

tai itu ibarat pesta keluarga apabila ramai yang membawa anak-anak dan sanak saudara untuk turut serta mencari kerang.

Seorang lagi pengunjung, Mohd. Faikurizal Mohd. Rizal, 25, berkata, ini adalah kali pertama dia menjejakkan kaki ke

Pantai Tanjung Kepah setelah diberitahu oleh runangnya mengenai fenomena itu.

"Kebetulan cuti Hari Malay-

sia, saya terus pulang kampung. Kami siap bawa bakul, guni, tong ikan untuk kutip kerang. Seronok apabila dapat kumpul banyak dan bawa balik untuk masak lemak kerang dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, nelayan tempatan yang hanya mahu dikenali sebagai Yasin berkata, fenomena itu berlaku akibat pergerakan ombak kuat semasa musim tengkujuh yang menolak lapisan selut dan kerang dari tengah laut ke pesisir pantai.

"Pantai ini memang berselut. Bila hujan lebat dan ribut, ombak tolak selut ke darat bersama kerang, ada yang besar, tapi kebanyakannya benih. Biasanya fenomena ini berlaku antara September hingga Februari," katanya.

Yasin berkata, anggaran benih kerang yang terdampar di pantai itu boleh mencecah antara 20 hingga 50 tan.

"Ini menjadikan ia satu peluang keemasan untuk penduduk dan nelayan yang tidak dapat turun ke laut disebabkan cuaca buruk ketika ini," katanya.

TARIKH

17/9/2025

MEDIA

UTUSAN
MALAYSIA

RUANGAN

DALAM
NEGERI

MUKA
SURAT

29

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmalni@mediaprima.com.my

Cuaca panas boleh menjadi cabaran utama bagi penjagaan haiwan peliharaan mahupun ternakan di negara ini.

Justeru, penting untuk pemilik mengambil langkah proaktif bagi memastikan kesejahteraan haiwan peliharaan masing-masing sentiasa terjaga.

Untuk haiwan peliharaan di luar rumah contohnya, pastikan sangkar diletakkan di kawasan yang teduh dengan pengudaraan yang baik.

Elakkan pendedahan terus kepada cahaya matahari kerana ia menyebabkan haiwan peliharaan kepanasan.

Untuk mengelakkan haiwan dehidrasi, pastikan bekalan air bersih disediakan sepanjang hari.

Air berkenaan juga perlu ditukar dua hingga tiga kali sehari untuk memastikan kualiti sentiasa terjaga.

Selain itu, sentiasa pantau haiwan anda untuk tanda-tanda seperti pernafasan laju, air liur meleleh, badan panas, muntah atau pengsan kerana ia mungkin mengalami masalah kesihatan yang memerlukan rawatan segera.

Aktiviti luar juga perlu dihadkan ketika cuaca panas terutama antara jam 10 pagi hingga 4 petang.

Sebaiknya, lakukan aktiviti seperti berjalan atau bermain dengan haiwan peliharaan anda pada awal pagi atau lewat petang.

Jika membawa haiwan keluar, pastikan bekalan air mudah alih turut dibawa bersama.

Dalam pada itu, jangan sesekali meninggalkan haiwan peliharaan dalam kenderaan walaupun hanya seketika.

Ini kerana suhu dalam kereta boleh meningkat dengan cepat dan menyebabkan haiwan berisiko mengalami strok haba yang membawa maut walaupun untuk tempoh singkat.

Untuk penjagaan tambahan, elakkan mencukur bulu haiwan ketika cuaca panas kerana ia mungkin mendedahkan kulit mereka kepada sinaran UV dan meningkatkan risiko selaran matahari.

Selain itu, bulu haiwan peliharaan anda juga perlu disikat secara berkala untuk membantu mengurangkan kepanasan dan memastikan pengudaraan kulit yang baik.

Elakkan daripada menggunakan produk manusia seperti krim tabir

ELAK HAIWAN DEHIDRASI

Jangan sesekali tinggalkan haiwan peliharaan dalam kenderaan walaupun hanya seketika



LAKUKAN aktiviti seperti berjalan dengan haiwan peliharaan anda pada awal pagi atau lewat petang. - Gambar hiasan



SANGKAR perlu diletakkan di kawasan teduh dengan pengudaraan yang baik. - Gambar hiasan



ELAK daripada menggunakan produk manusia seperti krim tabir suria atau losen kepada haiwan. - Gambar hiasan



UNTUK mengelakkan haiwan dehidrasi, pastikan bekalan air bersih disediakan sepanjang hari. - Gambar hiasan

suria atau losen kepada haiwan kerana bahan kimia tertentu boleh menyebabkan keracunan jika dijilat.

Sementara itu, bagi haiwan ternakan dan haiwan yang aktif, pemberian suplemen elektrolit dan multivitamin seperti 'Mineralytes Plus' adalah digalakkan.

Ia dapat membantu mengurangkan tekanan haba, memulihkan tenaga dan menyokong sistem imun.

Suplemen itu boleh dicampurkan dalam air minuman dan sesuai untuk ayam, itik, kambing, lembu dan kuda.

Untuk haiwan peliharaan seperti anjing, campuran air dengan sedikit garam dan jus epal tanpa gula boleh membantu hidrasi.

Manakala tambahan seperti yogurt atau labu boleh menyokong fungsi otot dan saraf.

Apa pun, sentiasa dapatkan nasihat doktor haiwan sebelum memberikan sebarang suplemen untuk memastikan dos serta jenis yang sesuai dengan spesies dan umur haiwan peliharaan anda.

Dengan penjagaan teliti dan sokongan nutrisi yang sesuai, haiwan kesayangan dan ternakan anda dapat menghadapi cuaca panas dengan lebih selamat serta selesa.

TOXOCARA PANTAS MEMBIAK

Telur cacing ini sangat tahan, boleh hidup berbulan-bulan, cacing dewasa hasil lebih 20,000 telur sehari

DARI MUKA 33

Perlu diketahui bahawa Toxocara adalah cacing gelang atau 'roundworm' yang boleh menjangkiti anjing dan kucing.

Toxocara canis adalah cacing yang ada pada anjing, manakala Toxocara cati adalah cacing yang ada pada kucing.

Telur cacing ini keluar melalui najis, lalu mencemari tanah, pasir, rumput dan sayur-sayuran.

Malah telur cacing Toxocara ini sangat tahan, ia boleh hidup berbulan-bulan dan cacing dewasa ini boleh menghasilkan lebih 20,000 telur sehari.

Anak-anak anjing kebiasaannya terkena cacing ini sebelum dilahirkan. Infeksi cacing ini berlaku apabila larva dari tisu ibu anjing yang dijangkiti, bermigrasi dan ke plasenta kemudian menjangkiti fetus anjing.

Pada masa sama anak anjing yang kecil juga boleh dijangkiti melalui susu atau terelan telur cacing daripada tanah yang tercemar.

Ada pelbagai cara Toxocara menjangkiti manusia. Salah satunya, terelan telur cacing melalui tangan yang kotor. Contohnya ketika kanak-kanak bermain tanah, pasir atau najis haiwan.

Selain itu, melalui makan sayur atau buah



PENJAGAAN haiwan peliharaan serta persekitaran adalah kunci utama untuk menghalang jangkitan senyap. - Gambar hiasan

yang tidak dibasuh sempurna. Pada masa sama, Toxocara turut menjangkiti manusia melalui pemakanan organ dalaman haiwan perantara (ayam dan lembu) yang dijangkiti larva.

Gejala pada manusia adalah melalui telur cacing yang masuk dalam tubuh, menetas menjadi larva,


tetapi tidak menjadi cacing dewasa.

Larva ini akan berkeliaran untuk tempoh berpanjangan dalam tubuh manusia dan keadaan ini dipanggil 'larva migrans'.

Ia biasanya disebabkan cacing daripada haiwan. Manusia adalah perumah yang abnormal dan keadaan itu menyebabkan larva



ADA pelbagai cara Toxocara menjangkiti manusia. - Gambar hiasan



SEEKOR cacing dalam spesimen botol yang diletakkan dalam makmal. - Gambar hiasan

cacing berkeliaran untuk tempoh yang lama pada tisu manusia.

Ada beberapa simptom yang boleh dikesan. 'Larva migrans visera' membawa simptom demam, batuk, hati membengkak, keletihan dan pening.

'Larva migrans ocular' pula apabila sampai ke mata boleh menyebabkan rabun, bengkak, mata putih (leukocoria) dan boleh jadi buta.

Ada juga simptom berkaitan dengan saraf, dipanggil 'larva migrans neural' yang jarang berlaku, tetapi boleh menyerang otak dan berlaku sawan.

Justeru, kesedaran masyarakat berkenaan kebersihan, penjagaan haiwan peliharaan serta persekitaran adalah kunci utama untuk mengawal jangkitan senyap ini.

Faktor risiko untuk penyakit Toksokariasis pada manusia dan haiwan

- Kanak-kanak di usia sekolah rendah yang kerap bermain tanah atau pasir.
- Pemilik kucing atau anjing di mana haiwan itu tidak diberi ubat cacing berkala.
- Kawasan perumahan yang banyak haiwan terbiar.
- Individu yang bekerja

dalam bidang yang membabitkan tanah, contohnya pekerja ladang dan pertanian.

Langkah pencegahan

- Berikan ubat cacing pada kucing dan anjing secara berkala.
- Didik kanak-kanak cuci tangan sebelum makan.
- Jangan biarkan haiwan peliharaan membuang najis di kawasan permainan.
- Basuh sayur-sayuran atau buah-buahan dengan sempurna.
- Kawal populasi haiwan terbiar.



TOXOCARA adalah cacing nematod yang mempunyai telur yang tahan lasak di persekitaran. - Gambar hiasan